



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
HERITAGE, ART AND MULTIMEDIA
(IJHAM)**
www.ijham.com



MASYARAKAT MELAYU TRADISIONAL DI DAERAH HILIR PERAK PADA TAHUN 1874

MALAY TRADITIONAL COMMUNITIES IN LOWER PERAK DISTRICT IN 1874

Intan Sarihan Kamazaman^{1*}, Khairi Ariffin²

¹ Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia

Email: intansarihan89@gmail.com

² Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia

Email: Khairi.ariffin@fsk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 14.08.2024

Revised date: 07.09.2024

Accepted date: 29.11.2024

Published date: 23.12.2024

To cite this document:

Kamazaman, I. S., & Ariffin, K. (2024). Masyarakat Melayu Tradisional di daerah Hilir Perak, pada tahun 1874. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 7 (23), 01-11.

DOI: 10.35631/IJHAM.723001.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Kajian ini adalah berkenaan kemunculan serta perkembangan masyarakat Melayu tradisional di daerah Hilir Perak pada tahun 1874 semasa pentadbiran kolonial British. Perkembangan masyarakat Melayu Tradisional bertambah maju kerana kewujudan kepelbagaiannya yang berhijrah masuk ke kawasan daerah Hilir Perak. Hal ini menyebabkan beberapa kawasan di daerah Hilir Perak telah menjadi tumpuan bagi kegiatan awal masyarakat Melayu tradisional. Disebabkan oleh kesediaankemudahan infrastruktur yang pesat telah mewujudkan hubungan di antara masyarakat Melayu tradisional dengan kawasan persekitaran daerah Hilir Perak bagi memenuhi segala keperluan dan kehendak bagi kelangsungan hidup masyarakat pada tahun 1874. Oleh itu, kajian ini sepenuhnya dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan analisis dokumen seperti Fail Perak Secretariat serta Perak Annual Report yang diperolehi dari Arkib Negara Malaysia. Penggunaan sumber sekunder seperti buku, dan penulisan kajian berkenaan ekonomi dan sejarah masyarakat Melayu Tradisional ketika era sebelum kedatangan kolonial British pada tahun 1874 turut digunakan untuk mengukuhkan lagi hasil kajian. Dapatan kajian menunjukkan bukan hanya masyarakat tempatan yang menetap di kawasan tersebut tetapi golongan pribumi lain juga turut mendiami kawasan daerah hilir perak. Hal ini secara tidak langsung akan menyebabkan kegiatan ekonomi menjadi semakin maju serta secara tidak langsung laluan pengairan sungai turut menjadi salah satu kepentingan kepada masyarakat yang tinggal di kawasan daerah Hilir Perak bagi menyara kelangsungan kehidupan sehari-hari mereka.

Kata Kunci:

Masyarakat Melayu, Infrastruktur, Sungai, Hilir Perak, Kolonial British

Abstract:

This study is about the emergence and development of the traditional Malay community in the Lower Perak district in 1874 during the British colonial administration. The development of the traditional Malay community has progressed due to the existence of a diversity of ethnic communities who migrated into the Hilir Perak district. This led to some areas in the Lower Perak area becoming a focus for the early activities of the traditional Malay community. Due to the rapid availability of infrastructure facilities, the relationship between the traditional Malay community and the surrounding area of Lower Perak district was established to meet all the needs and requirements for the survival of the community in 1874. Therefore, this study was entirely conducted using qualitative methods through document analysis approaches such as the Perak Secretariat file and the Perak Annual Report obtained from the National Archives of Malaysia. The use of secondary sources such as books, and writing studies on the economy and history of the traditional Malay community in the era before the arrival of the British colonial in 1874 were also used to further strengthen the results of the study. The findings showed that not only the local community living in the area but other indigenous groups also inhabit the Lower Perak district. This will indirectly lead to economic activities becoming more developed and indirectly the River Irrigation route is also one of the interests of the people living in the Lower Perak area to support the survival of their daily lives.

Keywords:

Malay Society, Infrastructure, Rivers, Lower Perak, British Colonial

Pengenalan

Masyarakat Melayu Tradisional ditakrifkan sebagai satu gambaran kelompok yang mengamalkan kehidupan secara tradisi atau turun temurun dan tidak ada sebarang campur tangan daripada kuasa luar. Ini membuktikan mereka tidak mudah terpengaruh dengan perubahan dan suasana sekeliling kehidupan mereka. Kegiatan ekonomi Masyarakat Melayu adalah bersifat sara diri. Sara diri boleh didefinisikan sebagai satu situasi di mana majoriti daripada masyarakat tempatan bagi sesuatu kawasan menjalani aktiviti ekonomi mereka khususnya pertanian hanya untuk menyara kehidupan sehari-hari ataupun keluarga mereka sahaja. Kadar peningkatan masyarakat melayu di sesebuah daerah turut dipengaruhi dengan keadaan persekitaran yang mempunyai keunikkan tersendiri

Sejarah perluasan kuasa British di Tanah Melayu khususnya melibatkan daerah Hilir Perak sememangnya berkait rapat dengan kolonialisme British. Kolonialisme secara umumnya merupakan pembentukan sebuah kolonial oleh kuasa kolonial yang lebih kuat iaitu bentuk penjajahan yang menguasai dan mengambil kesempatan terhadap sebuah kerajaan yang lebih lemah. Menurut, Ronald J. Horvath (1971) menyatakan bahawa kolonialisme adalah satu bentuk penguasaan iaitu kawalan ke atas wilayah atau tingkah laku kumpulan lain oleh kumpulan lain yang asing. Secara keseluruhannya, istilah kolonialisme menggambarkan hubungan yang tidak seimbang di antara kuasa kolonial dengan tanah jajahan dan selalunya antara penjajah dan orang-orang tempatan.

Latar Belakang

Sebelum abad ke 18, Orang Melayu dan Orang Asli menjadi penduduk majoriti di Tanah Melayu. Kelompok tertinggi dalam lapisan masyarakat merupakan golongan pemerintah yang terdiri daripada mayarakat Melayu. Pelaut-pelaut Melayu Proto (Melayu Asli) yang berhijrah dari Yunnan merupakan antara masyarakat awal yang mendiami Tanah Melayu iaitu sekitar 35,000 tahun yang lampau. mereka ini mempunyai kemahiran yang tinggi dalam bidang pertanian. Selepas kedatangan mereka, Masyarakat Orang Asli terpaksa berpindah ke kawasan pedalaman di lereng-lereng bukit. maka, ketika inilah masyarakat dan Tamadun Melayu mulai berkembang. Golongan berikutnya pula dikenali sebagai Melayu Deutro yang mahir menangkap ikan yang kemudiannya mendiami persisir-persisir pantai dan berlakulah proses asimilasi. Orang Asli, Melayu Proto, dan Melayu Deutro ini akhirnya dikenali sebagai masyarakat bumiputera yang mana merupakan penduduk peribumi di Tanah Melayu.

Peta Daerah Hilir Perak

Daerah Hilir Perak terletak di selatan Negeri Perak Darul Ridzuan yang bersempadan dengan Daerah Batang Padang di sebelah timur dan sempadan Perak tengah Manjung di sebelah Utara Barat Laut. Kawasan Hilir Perak meliputi keseluruhan Daerah Hilir Perak dan kawasan di persisir pantai di dalam jarak 3 batu Nautikal ke laut. Daerah Hilir Perak mempunyai keluasan 173,987.19 hektar yang bersempadan dengan Sungai Bernam dan Sabak Bernam, Selangor di sebelah selatannya dan Selat Melaka di sebelah Barat. Daerah yang dikategorikan sebagai Hilir Perak adalah Bagan Datoh, Changkat Jong, Durian Sebatang, Hutan Melintang, Labu Kubong, Rungkup, Sungai Durian, Sungai Manik, Telok Baharu.

Populasi utama penduduk era tradisional di kawasan Daerah Hilir Perak terdiri daripada masyarakat Melayu yang menetap di sekitar kawasan pedalaman dengan kelompok yang lebih besar di kawasan persisiran sungai dan muara sungai. Struktur geografi kawasan daerah Hilir Perak merupakan salah satu faktor pertambahan populasi masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik khususnya di kawasan pedalaman. Keadaan bentuk muka bumi di daerah Hilir Perak dipenuhi hutan tebal dan kawasan paya yang luas telah menyebabkan sungai menjadi keperluan penting dalam kehidupan masyarakat Melayu yang tinggal di kawasan pinggir sungai. Selain itu, kawasan batang sungai juga menjadi tumpuan pembinaan pusat pentadbiran kerajaan negeri perak pada era tradisional.



Penyataan Masalah

Pada era tradisional, Masyarakat Melayu khususnya telah memberi pengaruh besar dalam pembangunan politik, budaya dan ekonomi. Menurut Prof. Dato' Dr Asmah Haji Omar (1986), Masyarakat Melayu merupakan penduduk asal Tanah Melayu di samping Orang Asli. Kebanyakan petempatan Masyarakat Melayu tradisional dibina di persisir sungai di Perak disebabkan oleh kawasannya yang menjadi tumpuan dalam kegiatan ekonomi secara kecil-kecilan. Masyarakat Orang Asli juga merupakan golongan pribumi datang ke Tanah Melayu selepas masyarakat Melayu khususnya di daerah Hilir Perak.

Disebabkan oleh keadaan daerah Hilir Perak berpaya dan belum diterokai telah memberi peluang kepada masyarakat Banjar dan Jawa berhijrah masuk ke kawaan pedalaman daerah Hilir Perak untuk membina kawasan petempatan baharu yang berdekatan dengan sungai. Bentuk dan kegiatan ekonomi yang diamalkan masyarakat Melayu Hilir Perak telah di pengaruhi sistem pemerintahan pada masa dahulu. Secara umumnya, ekonomi masyarakat Melayu pada era tradisional adalah bersifat sara diri bagi memenuhi keperluan dalam kehidupan harian. Kegiatan pertanian di daerah Hilir Perak bukan sahaja diusahakan masyarakat Melayu tempatan malahan masyarakat Jawa dan Banjar juga turut mengusahakan kegiatan penanaman padi yang terletak di muara sungai. Namun, kegiatan pertanian di daerah Hilir Perak pada era tradisional bukanlah menjadi keutamaaan masyarakat melayu. Menurut Chai Hoo Chan:

"The malays, therefore, could not be regarded as an available source of labour supply. When they worked it was for themselves, on their own land, and very few could be persuaded to accept employment as agricultural labourers or on public work"

Disebabkan oleh permintaan jumlah atap yang tinggi, masyarakat Melayu daerah Hilir Perak lebih mengutamakan pembuatan atap yang lebih mendatangkan keuntungan kepada masyarakat Melayu. Hasil pembuatan atap akan dieksport ke Deli untuk kegunaan ladang-ladang di kawasan tersebut. Seterusnya, terdapat beberapa kegiatan lain yang diusahakan oleh masyarakat Melayu di daerah Hilir Perak iaitu kegiatan perikanan, bercucuk tanam, pertenakan haiwan dan menghasilkan barang kraftangan serta membuat perahu dengan menggunakan peralatan tradisional secara berskala kecil.

Selain daripada itu, peningkatan kegiatan ekonomi masyarakat Melayu turut dipengaruhi dengan kepelbagaiannya yang terletak di kawasan persekitaran daerah Hilir Perak. Sebagai contoh Sungai Perak dikenali sebagai sungai yang terpanjang di negeri Perak yang dijadikan perhubungan dan pengangkutan utama masyarakat Melayu dalam melakukan kegiatan ekonomi bagi menampung keperluan harian. Berdasarkan sifat ini, sungai dijadikan medium utama bagi kerajaan Melayu dalam melakukan hubungan politik dan perdagangan antara kerajaan lain (Amarjit 1985,1). Pembinaan kemudahan infrastruktur yang lain seperti pelabuhan, pusat pendidikan, pusat perubatan dan lain-lain lagi mampu meningkatkan pertambahan kependudukan masyarakat Melayu serta ekonomi yang meluas di daerah Hilir Perak.

Objektif Kajian

- i. Mengkaji sejarah Latar belakang masyarakat Melayu tradisional di daerah Hilir Perak
- ii. Mengkaji tentang kegiatan awal masyarakat Melayu tradisional di daerah Hilir Perak.
- iii. Mengkaji hubungan masyarakat Melayu tradisional dengan keadaan persekitaran di daerah Hilir Perak

Persoalan Kajian

- i. Bagaimakah sejarah dan latar belakang masyarakat melayu di daerah Hilir Perak?
- ii. Apakah kegiatan awal masyarakat Melayu tradisional di daerah Hilir Perak?
- iii. Sejauh manakah masyarakat Melayu tradisional dengan keadaan persekitaran di daerah Hilir Perak?

Metodologi Kajian

Kaedah kajian yang digunakan dalam artikel ini adalah berbentuk kualitatif. Penggunaan kaedah kualitatif melalui pendekatan analisis dokumen seperti Fail Perak Secretariat serta Perak Annual Report yang diperolehi dari Arkib Negara Malaysia (ANM). Penggunaan sumber sekunder seperti buku-buku, jurnal, penulisan ilmiah berkaitan sejarah masyarakat Melayu serta kegiatan ekonomi tradisional yang dihasilkan oleh pengkaji terdahulu, dan perpustakaan Universiti Tengku Bainun (upsi). kaedah pemerhatian yang dilakukan adalah melalui tinjaun di perkampungan sekitar kawasan daerah Hilir Perak dalam membantu mendapatkan gambaran awal kehidupan masyarakat Melayu pada era tradisional di daerah Hilir Perak.

Analisis Kajian

Masyarakat Melayu

Majoriti penduduk di daerah Hilir Perak terdiri daripada masyarakat Melayu yang menetap di sekitar kawasan pedalaman, dengan kelompok mereka yang lebih besar menetap di kawasan yang berhampiran dengan laut atau di pinggir sungai. Terdapat dua lokasi petempatan masyarakat melayu iaitu di bandar dan pedalaman. Di daerah Hilir Perak, masyarakat Melayu memilih kawasan perkampungan di tebing sungai yang beratapkan nipah serta menjalankan ekonomi secara kecik-kecilan.

Masyarakat pribumi lain di Tanah Melayu adalah Orang Asli yang menetap di kawasan hutan dan masih lagi mengamalkan cara hidup tradisional yang dipengaruhi oleh alam sekitar dan amalan tinggalan nenek moyang mereka. Golongan orang asli merupakan suku kaum yang terdahulu yang datang ke Tanah Melayu selepas masyarakat melayu (F.L Dunn 1975: 108). Keadaan kawasan Daerah Hilir Perak yang berpaya dan tidak didiami masyarakat tempatan telah memberi penempatan baru masyarakat luar khususnya masyarakat berbangsa Jawa dan Banjar yang turut menjalankan aktiviti penanaman padi di kawasan Telok Anson dengan Batak Rabit

Populasi penduduk di Daerah Hilir Perak mengikut kaum

KAUM	BILANGAN
Melayu	38446
Banjar	4112
Jawa	9203
Golongan sumatera (lain-lain)	1246
Jumlah	53007

Sumber: Khoo Kay Kim, 1931, hlm: 13

Berdasarkan sumber di atas, jelas menunjukkan populasi Masyarakat Melayu di masih berada di kedudukan yang tertinggi yang menetap di daerah Hilir Perak. Jumlah penduduk berbangsa Jawa lebih tinggi berbanding masyarakat Banjar dengan jurang perbezaan 5091 orang. Golongan Sumatera tidak dinyatakan secara terperinci adalah seramai 1246 orang penduduk di mana angka ini menunjukkan yang paling rendah di daerah Hilir Perak. Jumlah anggaran keseluruhan penduduk di Daerah Hilir Perak pada 1931 ialah 53007 orang.

Kegiatan Awal Masyarakat Melayu

Ekonomi Dan Sistem Barter

Zaman tradisional dikenali sebagai ekonomi sara diri. Sara diri boleh didefinisikan sebagai satu situasi di mana majoriti daripada masyarakat tempatan bagi sesuatu kawasan menjalani aktiviti ekonomi mereka khususnya pertanian hanya untuk menyara kehidupan seharian ataupun keluarga mereka sahaja. Selain pertanian seperti penanaman padi dan lain-lain, ekonomi bersifat sara diri lain yang dijalankan di kawasan Hilir Perak adalah perlombongan bijih timah, memungut hasil hutan, menternak binatang serta menangkap ikan. Jika mereka mempunyai lebihan hasil daripada kesemua ekonomi tersebut, mereka juga akan menjalankan sistem barter iaitu sistem pertukaran barang. Sebagai contoh, lebihan hasil daripada tangkapan ikan yang diperoleh oleh masyarakat tempatan boleh disistem barterkan dengan barang lain seperti beras mengikut kehendak dan keperluan masing-masing. Konsep sistem barter ini tidaklah seperti berjual beli kerana tidak melibatkan sebarang mata wang untuk mendapatkan sesuatu barang. Sistem barter ini dipercayai berterusan sehingga terdapat dasar campur tangan kuasa luar yang mempengaruhi mata wang dan juga sistem pentadbiran di Perak khususnya bagi kawasan Hilir Perak.

Pada awal pendudukan di daerah Hilir Perak, masyarakat Melayu lebih tertumpu pada mengambil upah sebagai buruh. Masyarakat Melayu juga lebih gemar bekerja sebagai buruh untuk tempoh yang singkat, terutama mengambil upah untuk membersihkan hutan, menebang kayu dan mengutip barang hutan yang sesuai untuk digunakan dalam pembinaan tempat tinggal sementara di kawasan perlombongan (Sadka, 1968: 325). Kecenderungan ini

sebenarnya berkait rapat dengan kehidupan orang Melayu yang mahir dalam kerja penebangan pokok besar yang sebenarnya begitu merbahaya.

Melombong Bijih Timah

Dari zaman dahulu lagi, aktiviti perlombongan telah berlaku di Perak khususnya bagi perlombongan bijih timah. Malahan negeri Perak itu sendiri dikenali sebagai '*Perak, the state that tin built*' yang juga bermaksud 'Perak, negeri yang dibina oleh bijih timah'. Aktiviti perlombongan bijih timah ini pada awalnya agak terjejas kerana berpunca daripada masalah yang melibatkan anarki di negeri-negeri Melayu. Antara masalah yang berlaku tersebut adalah perebutan takhta kerajaan, persengketaan di antara pembesar-pembesar Melayu, pergaduhan kongsi gelap serta perlanunan yang membawa kerugian kepada saudagar-saudagar. Masalah seperti ini mengambil masa untuk diselesaikan dan ia merupakan salah satu faktor yang menyebabkan masyarakat Hilir Perak tidak mampu mengembangkan lagi sektor perlombongan. Walaupun pada dahulunya mereka tidak mempunyai alat yang moden seperti zaman sekarang, kerja-kerja melombong bijih timah masih dapat dijalankan. Akan tetapi, hasil yang diperoleh tidaklah sebanyak jika dibantu dengan alat atau teknologi yang terkini. Hal ini juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan perlombongan pada zaman tradisional kurang giat jika dibandingkan dengan keadaan selepas kedatanagn kolonial Inggeris di Hilir Perak. Sebagai contoh di Bidor merupakan kawasan perlombongan bijih timah pada era tradisional.

Menanam Padi

Sebelum berlakunya pemerintahan Inggeris ataupun zaman kolonial di Hilir Perak, orang Melayu menjalankan aktiviti penanaman padi hanya untuk melangsungkan kehidupan mereka dan keluarga mereka sendiri sahaja. Inilah yang dikatakan sebagai ekonomi sara diri. Bukan hanya dijalankan oleh Melayu, orang Banjar juga turut bergiat dalam penanaman padi. Orang Jawa juga turut menanam padi di Bagan Datoh pada tahun 1891-1892. Manakala orang Tamil pada tahun 1889 dan diikuti oleh Cina iaitu pada tahun 1892 yang menanam padi di Teluk Anson dan Batak Rabit. Aktiviti penanaman padi yang dijalankan oleh orang Melayu di sekitar Hilir Perak membolehkannya menjadi salah satu sumber ekonomi utama. Masyarakat Hilir Perak bergantung kepada hasil tanaman ini bahkan hasil padi ini merupakan makanan utama bagi penduduk di daerah tersebut. Ianya terbukti sehingga ke zaman kolonial. Pada zaman kolonial Inggeris, kawasan Hilir Perak lebih dikenali dengan ekonomi pertanian berbanding dengan perlombongan walaupun terdapat aktiviti ekonomi lain yang mula berkembang. Pada tahun sebelum penjajahan British juga, tidak ada sebarang pengurusan yang sistematik untuk mengurus tadbir serta memantau hasil tanaman padi yang diusahakan oleh masyarakat di kawasan Hilir Perak. Mereka juga kekurangan teknologi moden dan hanya menggunakan kerbau. Namun, hal ini berubah setelah munculnya pentadbiran baru kolonial Inggeris yang membawa perubahan kepada sosioekonomi dalam kalangan orang Melayu Hilir Perak terhadap perkembangan sektor pertanian.

Perdagangan

Masyarakat Melayu di daerah Hilir Perak lebih memberikan tumpuan dalam kegiatan perdagangan barang keperluan iaitu atap. Atap ialah antara barang keluaran kecil tempatan yang telah dibangunkan di beberapa tempat untuk menjadi industri eksport pasaran luar Kota Setia yang terletak di muara sungai perak yang berfungsi sebagai pusat pengeluaran utama atap. Hasil perdagangan atap mampu memberi keuntungan yang lumayan kepada masyarakat Melayu di daerah Hilir Perak.

Pada era kolonial, daerah Hilir Perak lebih dikenali dengan kegiatan pertanian berbanding perlombongan. Kemudian, konsep pertanian dan perladangan komersial yang dibangunkan oleh pengawal kolonial British ini agak berbeza. Hal ini kerana sektor pertanian diusahakan oleh petani tempatan manakala sektor perladangan komersial ini pula dilaksanakan Berdasarkan pelaburan yang telah diberikan oleh para pelabur dari negara Barat. Walau bagaimanapun, keadaan ini bermula apabila polisi pemilikan tanah diperkenalkan oleh pentadbiran kolonial, banyak tanah telah dibangunkan menjadi komoditi yang penting dalam pertanian. Pada masa yang sama, polisi kolonial British membawa kepada penubuhan pelbagai ladang tanaman komersial di Hilir Perak

Masyarakat Melayu di daerah Hilir Perak juga melakukan aktiviti ekonomi yang lain seperti menangkap ikan. Kegiatan penangkapan ikan biasanya dilakukan bagi memenuhi keperluan ahli keluarga. Dalam penulisan Norbi Husin menyatakan bahawa mereka menangkap ikan di tiga tempat iaitu di kawasan sungai, sawah padi dan kawasan berpaya. Seterusnya kegiatan ekonomi lain masyarakat Melayu tradisional adalah menjalankan aktiviti memungut hasil hutan seperti rotan, damar, kayu-kayan, buluh, getah perca dan herba. Hasil daripada kegiatan ini akan dipasarkan di pasar tempatan.

Masyarakat Melayu Tradisional Dengan Keadaan Persekutaran Di Daerah Hilir Perak

Tempoh awal abad ke 18 dilihat sebagai tempoh waktu yang sangat penting dalam melihat bagaimana masyarakat melayu menguruskan kehidupan harian dengan keadaan persekitaran daerah hilir perak pada era tradisional. Keadaan persekitaran juga merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi perkembangan daerah hilir perak khususnya dalam kegiatan ekonomi yang melibatkan masyarakat melayu tradisional. Kemudahan-kemudahan yang disediakan adalah bagi memastikan kelangsungan kehidupan masyarakat melayu di daerah Hilir Perak.

Sungai

Masyarakat Melayu memiliki ciri-ciri tersendiri dalam soal petempatan dan kediaman. Masyarakat Melayu tradisional tidak dapat dipisahkan dengan sungai dan mereka menjadikan kawasan pinggiran sungai sebagai petempatan. Pada era tradisional, sungai merupakan jalan semulajadi yang menjadi medium utama dalam perhubungan dan pengangkutan masyarakat Melayu di daerah Hilir Perak. Sungai-sungai yang terdapat di daerah hilir perak telah memberi pengaruh yang besar dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional. Masyarakat melayu dikaitkan dengan sungai secara tidak langsung oleh Swentttenhem, apabila membicarakan asal usil masyarakat Melayu dalam karya berjudul “*Footprints In Malaya*”

*“No one can say with certainty what was the origin of the malay race,
but they themselves, in unreliable chronicles claim as their cradle a
mountain in Sumatra name by a river called the Malaya river in the
province of Palembang. “*

Hal ini jelas menunjukkan perkaitan sungai dengan asal usul masyarakat Melayu itu sendiri. Di sepanjang tanah-tanah Sungai Perak dijadikan kawasan kegiatan penanaman padi dan bercucuk tanam sayur-sayuran dan buah-buahan yang sangat subur dan segar. Disebabkan itu, masyarakat Banjar dan Jawa mula berhijrah masuk ke daerah Hilir Perak melalui muara sungai untuk mengusahakan kegiatan penanaman padi. Pembukaan kampung-kampung baharu di pinggir sungai telah meningkatkan jumlah bilangan masyarakat Melayu di daerah Hilir Perak bagi menyara kehidupan dan keperluan harian. Hampir semua kampung-kampung terletak di tebing sungai perak yang kemudiannya telah menjadi pusat bagi pengumpulan dan pertukaran

barang. Sungai juga menjadi sistem perhubungan pengangkutan di negeri-negeri Melayu yang hanya bergantung kepada penggunaan laluan sungai sebagai cara bagi pengangkutan. Keadaan tersebut memberi kesan dengan menjelaskan keberkesanannya sesuatu urusan perhubungan untuk disampaikan (Amarjit 1985, 121).

Walaupun penggunaan pengangkutan darat pada era tradisional tidak digunakan secara meluas namun penggunaan kereta lembu turut digunakan masyarakat Melayu untuk melalui kawasan pedalaman di daerah Hilir Perak. Hal ini disebabkan oleh faktor kewujudan jalan darat yang hanya sekadar denai.

Hubungan Sosial

Bagi mengekalkan keamanan, masyarakat Melayu di daerah Hilir Perak telah menjalinkan hubungan sosial dalam masyarakat sebangsa, serumpun dan seperadaban. Kemunculan mereka dari rumpun peradaban yang sama menjadikan jurang perbezaan menyebabkan kekurangan dari sudut keagamaan, adat resam, bahasa, pendidikan, sistem politik dan perundangan.

Kedudukan geografi daerah Hilir Perak yang mempunyai tanah yang subur serta berdekatan dengan sungai telah menggalakkan kedatangan masyarakat serumpun seperti Jawa, Sumatera dan Banjar. Dari sudut budaya menerusi perkongsian sistem adat yang sama, menjadikan tradisi berhijrah atau disebut sebagai tradisi merantau adalah sesuatu yang umum kerana dapat menyara kehidupan harian. Justeru, walaupun ramai masyarakat Jawa dan Banjar masuk ke daerah Hilir Perak, namun persengketaan kurang tercetus dengan masyarakat tempatan di daerah Hilir Perak. Sikap masyarakat Melayu tempatan yang sering menekankan nilai bertolak ansur dan hormat menghormati antara satu sama lain menyebabkan proses interaksi dan integrasi berlaku dengan lebih mudah.

Kegiatan penanaman padi di daerah Hilir Perak bukan sahaja terdiri daripada masyarakat Melayu tempatan, malah masyarakat Banjar dan Jawa juga gemar mengusahakan penanaman padi bagi meneruskan kelangsungan hidup. Masyarakat melayu tradisional juga turut menggunakan sistem pertukaran lebihan keperluan dengan barang keperluan lain dengan masyarakat Banjar, Jawa dan peribumi Orang Asli. Sebagai contoh lebihan hasil penangkapan ikan di tukar kepada hasil keperluan beras.

Perubatan Tradisional

Perubatan tradisional masyarakat Melayu ialah sejenis perubatan atau rawatan yang diwarisi daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Perubatan tradisional bagi masyarakat Melayu khusus pada orang Melayu dan lebih bersifat tipikal di daerah Hilir Perak.

Masyarakat Melayu mula mengamalkan perubatan tradisional melalui bomoh atau dukun. Bomoh atau dukun akan mencuba bahagian-bahagian fauna, flora dan mana-mana ramuan yang mujarab sebagai ramuan utama untuk mengubati penyakit yang dihadapi masyarakat. Dengan erti kata lain, hasil hutan berdasarkan herba akan diuji sebelum dijadikan ramuan mengubati pesakit. Dalam perubatan tradisional seseorang pesakit akan dirawat dengan menggunakan bahan-bahan daripada flora ataupun fauna. Di samping itu, terdapat penggunaan ayat-ayat Al-Quran daripada surah-surah atau ayat-ayat yang mengiringi sesuatu rawatan

Dalam pada itu, bidan merupakan golongan wanita yang mempunyai kelebihan untuk menyambut kelahiran bayi. Bahkan turut mempunyai kelebihan melenggang perut ibu ketika kandungan berusia tujuh bulan dengan menggunakan bahan semulajadi. Tumbuh-tumbuhan yang digunakan dalam perubatan ini diberikan nama khas dan berbeza antara satu sama lain.

Pendidikan

Secara umumnya, pendidikan dianggap sebagai salah satu aspek sosial yang penting dalam sesebuah kehidupan masyarakat di daerah Hilir Perak. Pendidikan Masyarakat Melayu di Hilir Perak adalah berbentuk tradisional dan hanya tertumpu pada pembelajaran agama Islam. Bagi masyarakat tradisional, pendedahan awal pendidikan agama Islam merupakan perkara yang wajib dipelajarai oleh anak-anak tidak kira lelaki atau perempuan. Tumpuan turut diberikan kepada pembelajaran Al Quran dan ilmu agama yang asas seperti ilmu tauhid dan fikah. Ia bermula dengan pendidikan tidak formal, iaitu di surau, masjid dan rumah guru.

Kemudiannya, keperluan sistem pendidikan terus berkembang kepada pembentukan sistem pondok di daerah Hilir Perak. Sistem pondok merupakan sistem tertua di Tanah Melayu pada era tradisional. Selain itu, masyarakat Melayu juga di dedahkan dengan bahasa Arab, hukum hakam agama serta penguasaan menulis, mengira dan membaca. Sememangnya, pembelajaran secara tradisional tidak memerlukan terlalu banyak kemudahan. Sekolah biasanya terdiri daripada seorang guru dan beberapa orang pelajar sahaja.

Kesimpulan

Secara umumnya, perubahan sosioekonomi dari zaman tradisional kepada zaman kolonial di hilir Perak banyak memberi kepentingan kepada masyarakat sekitarnya terutamanya masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu tradisional merupakan masyarakat yang hidup secara sederhana dan sara diri tanpa bantuan daripada mana-mana pihak luar. Setiap perubahan yang berlaku dalam masyarakat Melayu sukar dipengaruhi khususnya dalam peningkatan kegiatan ekonomi. Daerah Hilir Perak menjadi pintu masuk masyarakat luar dan pedagang melalui muara sungai. Kepelbagaian kegiatan awal ekonomi yang diusahakan masyarakat yang menetap di daerah Hilir Perak mampu mempertingkatkan dasar ekonomi yang lebih kukuh.. Kepentingan sungai dalam masyarakat Melayu pada era tradisional sangatlah penting bagi memenuhi kadar keperluan harian. Dalam kehidupan masyarakat Melayu, kepercayaan tradisional memainkan peranan yang penting sebagai khazanah budaya yang diwarisi nenek moyang yang bertunjangkan budaya Melayu sejak kurun lama. Sememangnya tumbuhan semulajadi yang terdapat di hutan mampu dijadikan ramuan herba bagi merawat segala penyakit. Sistem sosial masyarakat Melayu tradisional merupakan sistem sosial yang kukuh dan teratur dengan adanya pemikiran masyarakat yang lebih positif. Perkongsian budaya dalam kalangan masyarakat Melayu di daerah Hilir Perak menjadi lebih harmoni apabila golongan yang berhijrah turut menghormati adat resam masyarakat Melayu tempatan.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Dr Khairi Ariffin selaku penyelia kajian. Seterusnya, terima kasih juga diucapkan kepada semua kakitangan Perpustakaan Universiti Tengku Bainun (Upsi) dan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Malaysia, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaya, arkib negeri kedah, dan Muzium Taiping di atas kerjasama dan bantuan yang diberikan sepanjang penulis menyiapkan kajian ini.

Rujukan

- Amarjit Kaur. (1991). "Semenanjung Tanah Melayu abad ke-19 : Satu Tinjauan Ekonomi", *Masyarakat Melayu Abad Ke-19*. (Kuala Lumpur: DBP)
- Andaya, B. W. (1979), Perak: The Abode of Grace: A Study of an Eighteenth-Century Malay State, Kuala Lumpur: Oxford University Pres
- Azmah Abdul Manaf. (2001). *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur, Utusan Publications.
- Husin, N. (1973). Sistem politik dan masyarakat negeri Perak sebelum 1874: Suatu gambaran Umum. *Jebat: Malaysian Jurnal of History, Politics and Strategic Studies*, 27-39.
- Khoo Kay Kim. (1972). *The Western Malay States: The effects of commercial development on Malay politics, 1850 – 1873*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Khoo Kay Kim. (1992). *Malay society: Transformation and democratisation*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications
- Khoo, K.K. (1995). Teluk Anson: 1882-1941: Port, Agriculture and erosion. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 68(2), 33-52.
- Mohamad Aris Othman. 1977. *Ethnic Identity in a Malay Community in Malaysia* Michigan: University of Illinois.
- Muhammad bin Zakariah dan Mustafa Ali Mohd, 1998. Tradisional Malay Medicinal Plants, Fajar Bakti: Shah Alam Selangor.
- Mohd sabrina, Firdaus Al-Siddiq & Norhasandi 2010: *Memartabatkan Sungai Perak sebagai koridor warisan Negeri Perak*
- Nadaraja Kannan. 2002. "Kemelesetan Ekonomi Dunia 1929-1933, Kesan Sosioekonomi di Negeri-negeri Melayu Bersekutu". *Tesis Ph.D. Universiti Sains Malaysia*.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Norlisafina Sanit, Zaharani Ahmad dan Harishon Radzi. (2016). Variasi Kata Ganti Nama Dialek Di Pesisir Sungai Perak: Analisis Geographical Information System (GIS). *GEMA Online® Journal of Language Studies* 16(1), 106-123.
- Rahmat Bin Saupan. Masyarakat Melayu Abad ke-19. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1991.
- Scrivenor, J.B. 1949 "Geological and Geographical Evidence for Changes in Sea Level during ancient Malayan History and Late Pre-history", JMBRAS, Vol. XXII, pt. 1, pp. 105-115.
- Uqbah Iqbal, Nordin Hussin, Ahmad Ali Seman. (2015). Sejarah Perkembangan Ekonomi Semenanjung Tanah Melayu dan Sifat Ekonomi Masyarakat Melayu Era Pra-Kolonial. *International Journal of the Malay World and Civilastion*, 95-119.
- Winstedt, R.O. & Wilkinson, R.J. 1934 "A History of Perak", JMBRAS, Vol. XII, pt. 1, pp. 1-181.
- Y. M. Tengku Lukman Sinar. 2001. Adat dan Budaya Melayu di Pesisir Timur Sumatera. dim. *Adat Melayu Serumpun*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Nota Biografi

Khairi Bin Ariffin (khairi.ariffin@fsk.upsi.edu.my) PhD. Merupakan Profesor Madya di Jabatan Sejarah Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Bidang Pengkhususan adalah Sejarah Malaysia dari Universiti Malaya.
Intan Sarihan Bt Kamazaman (intansarihan89@gmail.com) merupakan Sarjana Sejarah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris.